

# Bahasa Antara dalam Komunikasi Lisan Penutur Melayu dan Penutur Bukan Melayu

Fatin Rabiha Abdul Kadir\*, Zaitul Azma Zainon Hamzah

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.*

## Article Information

Received 14 December 2016  
Received in revised form 27 November 2017  
Accepted 30 November 2017

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka Bahasa Antara yang terhasil melalui perbualan lisan antara penutur Melayu dengan penutur bukan Melayu. Justeru ia dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis proses terbentuknya Bahasa Antara dalam perbualan pelajar Melayu dan bukan Melayu. Kajian ini merupakan kajian lapangan dan data kajian diperoleh menggunakan kaedah pemerhatian di mana data penggunaan Bahasa Antara dirakam menggunakan alat rakaman perbualan. Lokasi kajian adalah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia. Seramai 20 orang pelajar iaitu 11 penutur Melayu dan 9 penutur bukan Melayu dipilih sebagai responden menggunakan teknik pensampelan bukan kebarangkalian. Data rakaman ditranskripsikan dan dianalisis berdasarkan proses utama pembentukan BA yang dinyatakan oleh Selinker. Hasil kajian mendapati kelima-lima proses Bahasa Antara digunakan penutur Melayu dan penutur bukan Melayu. Selain itu, analisis kajian turut mendapati proses strategi komunikasi amat ketara digunakan untuk mewujudkan Bahasa Antara berbanding proses pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi komunikasi, strategi pembelajaran dan generalisasi terlampau. Hal ini turut memperlihatkan penggunaan Bahasa Antara berjalan dengan lancar dan difahami oleh kedua-dua pihak dalam interaksi dan komunikasi antara mereka.

© 2017 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

*Keywords:* Bahasa antara; Perbualan lisan; Strategi komunikasi

## Interlanguage communication between Malay speakers and Non-Malay speakers

### Abstract

*This study aims to explore the interlanguage developed through oral communication between Malay speakers and non-Malay speakers. Hence, it was conducted to identify and analyze the process at which interlanguage was formed in the conversation between Malay and non-Malay students. This is a field study and data were collected using observation method, where data of interlanguage used in the conversation were recorded using a recorder. The study was carried out at the Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia. A total of 20 students which comprised 11 Malay speakers and 9 non-Malay speakers were recruited for the study using nonprobability purposive sampling technique. The recorded data were transcribed and analyzed based on the process involved in the formation of interlanguage suggested by Selinker. The results showed that all five processes of interlanguage were used by Malay and non-Malay speakers. In addition, the analysis revealed that communication strategy process was significantly used to create interlanguage compared to language transfer process, transfer of training, communication strategy, language learning strategy and excessive generalization of linguistics. It also indicated the use of interlanguage was run smoothly and understood by both sides in their interaction and communication.*

*Keywords:* Communication strategy; Interlanguage; Oral communication

---

\* Corresponding author: Tel.: +60195529165

E-mail addresses: [fatinrabiha\\_89@yahoo.com](mailto:fatinrabiha_89@yahoo.com) [Abdul Kadir, F.R.]; [zazh@upm.edu.my](mailto:zazh@upm.edu.my) [Zainon Hamzah, Z.A.];

## PENGENALAN

Bahasa Antara merupakan istilah yang diperkenalkan oleh Larry Selinker (1972) dalam kertas kerja seminarnya iaitu *Interlanguage* untuk merujuk kepada sistem bahasa yang dihasilkan daripada pemerolehan bahasa kedua penutur dewasa sebagai hasil percubaan untuk menyampaikan makna dalam bahasa yang dipelajari. Tambahan, beliau menyatakan bahawa Bahasa Antara (seterusnya BA) ialah sistem bahasa yang bukan merujuk kepada bahasa pertama penutur dan bukan juga bahasa kedua penutur, ianya merupakan sistem linguistik yang terpisah atau tersendiri yang dilahirkan daripada pemerolehan bahasa kedua seseorang penutur. Dalam erti kata yang lain, BA merupakan bidang ilmu yang terbit daripada proses pembelajaran dan percubaan pemerolehan bahasa kedua seseorang penutur atau pelajar bahasa kedua.

Dalam konteks ini, BA ternyata mempunyai pertalian rapat dengan pemerolehan atau pembelajaran bahasa sebagai salah satu daripada disiplin ilmu Linguistik Gunaan (*Applied Linguistic*) dan tidak hairanlah konsep BA mempunyai pengaruh yang besar terhadap kajian pemerolehan bahasa kedua sejak ianya diperkenalkan oleh Selinker (Song, 2012). Hal ini dikukuhkan oleh Tarone (2006) yang menjelaskan bahawa BA berperanan penting terhadap pembangunan bidang penyelidikan dalam pemerolehan bahasa kedua (*Second Language Acquisition*.) Hal ini terus menjadi salah satu pengaruh yang kuat ke atas pembangunan teori pemerolehan bahasa kedua serta menjadi isu utama dalam bidang tersebut. Dari segi sejarahnya, kemunculan BA juga merupakan hasil perkembangan dua bidang ilmu yang mendahuluinya iaitu Analisis Kesilapan dan Analisis Kontrastif (Al-khresheh, 2015; Puteri Roslina, 1996 & 2004; Selinker, 1972; Tarone, 2006). Hal ini kerana kedua-dua bidang ilmu ini dikatakan mengalami beberapa kelemahan dan dikritik kerana tidak dapat menjelaskan kesilapan bahasa kedua (B2) secara mantap dan menyeluruh.

Bertitik tolak daripada perkembangan tersebut, konsep Bahasa Antara (*interlanguage*) dikenal pasti pertama kali digunakan melalui istilah *Transitional Competence* oleh Corder (1967) dalam makalahnya *The Significance of Learners' Error* untuk merujuk keupayaan linguistik penutur bahasa asing yang tidak sepadan dengan penutur natif sesuatu bahasa. Selanjutnya, istilah Bahasa Antara yang telah diperkenalkan oleh Selinker (1969) berasal daripada perkataan *interlingual* yang diadaptasi daripada Weinreich yang merujuk kepada sistem bahasa yang dihasilkan oleh pelajar bahasa. Seterusnya, pengkaji lain pula merujuk Bahasa Antara dengan pelbagai dimensi istilah namun maksud yang saling berkait rapat misalnya Nemser (1971) merujuk Bahasa Antara sebagai 'Sistem Aproximatif' yang menekankan penyimpangan sistem linguistik yang digunakan oleh pelajar dalam usaha memahirkan diri dalam bahasa sasaran. Selain itu, Corder (1981) pula menyatakan bahawa Bahasa Antara sebagai sistem yang dipanggil 'Dialek Idiosinkratik' iaitu sebagai keunikan dalam bahasa pelajar dan khusus untuk bahasa individu itu sahaja yang mempunyai sistem tatabahasanya yang tersendiri. Menurut Ellis (1994) pula, Bahasa Antara ialah maklumat atau ilmu yang terdapat pada penutur bahasa kedua yang sistematik dan tidak dipengaruhi daripada bahasa pertama dan bahasa kedua.

Dalam konteks lain, BA dapat didefinisikan dalam dua aspek iaitu yang pertama BA sebagai sistem tatabahasa pelajar pada satu tahap dalam satu-satu masa dan kedua, BA sebagai sistem tatabahasa yang kunci mengunci antara satu sama lain (Selinker, 1969; Noor Aina Dani, 1996; Susan, 2002 dan Puteri Roslina, 2004). Berdasarkan definisi pertama, BA sebagai sistem tatabahasa pada satu tahap dalam satu masa telah dikategorikan kepada tiga tahap iaitu basilek, mesolek dan akrolek. Ketiga-tiga tahap ini dapat dikenal pasti berdasarkan kecekapan, kemampuan dan kesilapan dalam sistem bahasa pelajar atau penutur B2.

Seterusnya, makna BA sebagai sistem yang kunci-mengunci antara satu sama lain merujuk kepada perkembangan sistem bahasa pelajar atau penutur yang telah melewati batas waktu seperti fenomena fosilisasi yang turut merupakan antara bukti kemunculan Bahasa Antara. Fosilisasi ialah satu sistem linguistik yang terbentuk apabila penutur sesuatu bahasa ibunda akan mengeluarkan ciri linguistik dalam bahasanya (Puteri Roslina, 2004). Menerusi kajian ini, pengkaji menyimpulkan bahawa BA merujuk kepada suatu fenomena yang berlaku sepanjang proses peralihan yang melibatkan penutur bahasa pertama yang belum menguasai sepenuhnya bahasa keduanya. Dalam proses tersebut, penutur akan cuba

menuturkan bahasa keduanya dan potensi mencipta Bahasa Antara iaitu sistem bahasanya yang tersendiri juga akan terhasil sama ada secara kerap mahupun tidak kerap.

Dalam aspek ini, Bahasa Antara yang bersifat sistematik, dinamik boleh dikesan dalam persekitaran komunikasi verbal yang berlaku antara penutur dengan pendengar dalam perbualan sehari-harian (Selinker, 1972). McLaughlin (1987) menyatakan bahawa bahasa diperoleh secara tidak formal dalam persekitaran semula jadi seperti di tempat awam, pergaulan dengan jiran dan sebagainya. Tambahan, Selinker (1972) mencadangkan agar data dalam pemerolehan B2 seperti BA seharusnya bersumberkan daripada penutur yang sebenar atau percubaan untuk berkomunikasi dalam B2. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti bentuk Bahasa Antara dalam konteks komunikasi lisan dan menganalisis proses yang terhasil daripada perbualan lisan antara seseorang penutur Melayu dan penutur bukan Melayu berdasarkan lima proses BA yang dinyatakan oleh Selinker (1972).

Secara khususnya, untuk mendapatkan makna implisit, pendengar memerlukan pengalaman, pengetahuan dan memahami konteks yang berlaku ketika itu. Oleh itu, bidang pragmatik adalah bidang yang paling sesuai dan berkait rapat dengan interpretasi ujaran. Menurut Zaitul Azma (2006), ilmu pragmatik penting untuk seseorang memperoleh makna implisit bagi sesuatu ujaran, di samping mengetahui hajat penutur dalam ujaran yang disampaikan mengikut konteks. Menyedari keperluan ini, pragmatik yang ditakrifkan oleh Crystal (1985) sebagai kajian bahasa daripada sudut pandangan seseorang pengguna bahasa digunakan untuk mengetahui dan mendalami kata-kata implisit dalam konteks ujaran lakonan dalam filem di samping mampu mengelakkan interpretasi ujaran yang kabur, taksa, eliptik dan sebagainya (Zaitul Azma, 2006). Rentetan itu, penggunaan Teori Relevans yang merangkumi tiga elemen iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses merupakan medium yang signifikan dalam mendedahkan makna implisit dalam kajian ini. Menerusi penjelasan tersebut, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti ujaran implisit yang terdapat dalam filem dan menganalisis makna ujaran implisit tersebut berdasarkan Teori Relevans.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **2.1 Proses Pembentukan Bahasa Antara**

Bahasa Antara (BA) merupakan manifestasi perkembangan dan pemerhatian serta pengkajian terhadap pembelajaran B2 seseorang pelajar atau penutur yang menggunakan bahasa selain bahasa ibundanya. Selinker (1972) mengandaikan bahawa BA merupakan bahasa semula jadi dan tersembunyi di dalam otak manusia yang hanya menjadi aktif apabila seseorang cuba untuk mempelajari B2. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan untuk mendedahkan BA tersebut dengan mengenal pasti pembentukan struktur pendam psikologi penutur B2 melalui proses BA yang berlaku dalam komunikasi lisan penutur Melayu dan bukan Melayu.

Dalam aspek pembentukan BA melalui struktur pendam psikologi, Selinker (1972) membina hipotesis bahawa orang dewasa menggunakan struktur psikologi yang terpendam yang bukan *Language Acquisition Device* (LAD) untuk memperoleh B2 mereka. Terdapat lima proses utama yang dapat menerangkan proses BA iaitu Pemindahan Bahasa, Pemindahan Latihan, Strategi Komunikasi, Strategi Pembelajaran dan Generalisasi Terlampau. Kewujudan kelima-lima proses ini dikatakan oleh Selinker (1972) sebagai struktur pendam psikologi yang mampu diterokai apabila seseorang penutur dewasa berusaha melahirkan ujaran dalam B2 yang dipelajari. Berikut merupakan penerangan bagi kelima-lima proses BA Selinker:

#### *2.1.1 Pemindahan Bahasa*

Dalam proses pemindahan bahasa, terdapat beberapa elemen, peraturan, dan subsistem BA yang berpotensi untuk wujud daripada pemindahan bahasa ibunda. Menurut Noor Aina Dani (1996), pemindahan ialah pengaruh yang terhasil akibat perbezaan antara bahasa sasaran dengan bahasa yang terlebih dahulu diperoleh pelajar, manakala Puteri Roslina (2004) menjelaskan pemindahan bahasa

merupakan pemindahan ujaran yang bukan sahaja tidak tepat tetapi juga tidak betul dari segi bahasa standard.

### 2.1.2 *Pemindahan Latihan*

Dalam konteks strategi pemindahan latihan, terdapat beberapa elemen BA kemungkinan akan terbentuk daripada sifat proses latihan yang digunakan untuk mengajar bahasa kedua. Menurut Selinker (1972, melalui Puteri Roslina, 2004), pemindahan latihan merupakan satu proses yang berbeza daripada pemindahan bahasa dan generalisasi terlampau. Haslina Zakaria (2013), menjelaskan pemindahan latihan merupakan proses pemindahan pengetahuan, kemahiran dan kelakuan baru kepada keadaan sebenar. Dalam situasi ini, pemindahan latihan teknik mengajar atau kaedah yang diaplikasikan oleh pelajar atau pengajar B2 mampu mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua seseorang penutur B2 dan mampu menghasilkan BA.

### 2.1.3 *Strategi Komunikasi*

Selinker (1972) merupakan pengasas kepada istilah strategi ini apabila menggunakan istilah strategi komunikasi dalam menjelaskan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar B2 melalui kertas kerjanya bertajuk '*Interlanguage*'. Dalam konteks ini, strategi komunikasi ialah sesuatu yang dihasilkan oleh pelajar bahasa kedua dalam keadaan tertentu, iaitu apabila mereka menghadapi masalah untuk menyampaikan maksud (Corder, 1983). Selain itu, strategi komunikasi juga merupakan hasil pendekatan yang digunakan oleh pelajar bahasa kedua untuk berkomunikasi dengan penutur bahasa sasaran (Selinker, 1972). Selain itu, strategi komunikasi merupakan strategi yang amat mendapat perhatian ramai pengkaji linguistik terutamanya dalam bidang pemerolehan bahasa dan BA terutamanya melalui medium komunikasi verbal atau lisan. Hal ini kerana dalam kajian berbentuk perbualan lisan, strategi komunikasi kerap menonjol dan sering difokuskan oleh ramai pengkaji.

### 2.1.4 *Strategi Pembelajaran*

Sistem BA turut melibatkan strategi pembelajaran yang merupakan manifestasi proses percubaan PBM dalam mengembangkan pengetahuan dan kemahiran serta kecekapan berbahasa hasil pembelajaran secara formal atau tidak formal B2 sebelum ini. Menurut Tarone (1983), strategi pembelajaran bahasa merupakan usaha untuk mengembangkan daya saing linguistik dan sosiolinguistik dalam bahasa sasaran agar dapat diterapkan dalam daya saing BA seseorang. Hal ini kerana, BA mempunyai potensi untuk dihasilkan daripada strategi pembelajaran berdasarkan pendekatan berhubung bahan yang dipelajari. Selain itu, strategi pembelajaran bahasa ditakrifkan oleh Vijayaletchumy (2016) sebagai segala tindakan atau perancangan yang diaplikasikan untuk mencapai tujuan. Tujuan dalam konteks ini ialah aktiviti belajar sehingga menguasai sesuatu bahasa secara persendirian atau secara berkumpulan.

### 2.1.5 *Generalisasi Terlampau*

Generalisasi terlampau (*Overgeneralization*) sering berlaku dengan tidak disengajakan dalam sesuatu proses penggunaan B2 oleh penutur B1. Menurut Ellis (1994), generalisasi terlampau melibatkan penggunaan pengetahuan B2 yang sedia ada yang dikembangkan kepada pembentukan BA yang baru. Hal ini terjadi apabila pengguna bahasa memahami dan mengaplikasikan peraturan sistem bahasa sesuatu B2 secara serata atau sama dalam semua bahagian sistem bahasa B2 tanpa pengecualian yang sewajarnya. Dalam aspek ini, beberapa elemen BA kemungkinan terbentuk daripada generalisasi terlampau tentang peraturan tersebut dan sifat semantik bahasa sasaran serta item linguistik yang lain. Misalnya dalam bahasa Inggeris penggunaan imbuhan '-ed' sebagai penanda leksikal masa lalu telah digunakan dalam perkataan 'go' dan 'think'.

## 2.2 Kajian Lepas Berkaitan Bahasa Antara

Kajian yang melibatkan Bahasa Antara (BA) sering mendapat perhatian pengkaji dari dalam dan luar negara. Walau bagaimanapun, kajian BA dalam perbualan lisan merupakan kajian yang masih kurang atau masih perlu diperluaskan dalam penyelidikan pemerolehan bahasa di Malaysia (Puteri Roslina, 2004). Kajian lalu dalam bidang ini lebih memfokuskan penelitian BA melalui medium penulisan dan persekolahan. Salah satu kajian seumpamanya bagi pengkaji dalam negara ialah Noor Aina Dani, Rohaidah Kamaruddin dan Sharil Nizam Sha'ri (2015) yang memfokuskan kajian dalam aspek pemindahan negatif dalam pola ayat BA berdasarkan penulisan karangan pelajar Kadazandusun Tingkatan 4. Dalam kajian tersebut, pengkaji-pengkaji mempunyai objektif untuk mengenal pasti faktor persekitaran yang menyebabkan ralat bahasa, tugas yang mendatangi B2 dan pemindahan negatif dalam karangan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kewujudan BA dalam kajian tersebut. Selain itu, tugas yang mendatangi B2 turut mempengaruhi kemunculan BA dan menggambarkan prestasi B2 sampel. Seterusnya, pemindahan negatif dalam karangan menunjukkan beberapa ayat tunggal dan majmuk B2 yang mengalami pemindahan negatif manifestasi daripada pengaruh B1.

Seterusnya, kajian BA di Iran oleh Hosseini dan Sangani (2015). Kajian di Universiti Velayat, Iran mendedahkan penghasilan BA dalam komunikasi lisan oleh pelajar Iran yang memiliki tahap penguasaan B2 daripada tahap yang rendah kepada sederhana. Dalam konteks ini, kajian menunjukkan bahawa kemunculan BA mempunyai implikasi terhadap perkembangan kecekapan komunikasi lisan B2 mereka iaitu semakin banyak pelajar menembusi atau meneroka BA mereka, semakin banyak juga proses pembelajaran dan penggunaan B2 yang berlaku. Dapatan kajian mendapati terdapat tiga kategori terhadap tahap kecekapan bertutur yang boleh diklasifikasikan iaitu tahap rendah, separa sederhana dan sederhana. Dalam konteks tahap kecekapan yang rendah, pelajar lebih terikat kepada peraturan yang terdapat dalam B2 atau lebih mudah difahami sebagai tatabahasa dalam B2. Dalam ketiga-tiga pendekatan kajian, pelajar kecekapan tahap rendah menjadikan pengaruh pembelajaran tatabahasa B2 sebagai rujukan utama dalam berkomunikasi. Selain itu, mereka juga lebih pasif dalam komunikasi lisan kerana terlalu memastikan ketepatan nahu B2 dan menterjemahkan B1 kepada B2. Hal ini berbeza dengan kategori pelajar yang mempunyai tahap separa sederhana dan sederhana yang memperlihatkan fokus mereka kepada makna dan tatabahasa yang serentak dalam sesuatu komunikasi. Bezanya, pelajar tahap sederhana hampir mengalami kecekapan seperti penutur asli B1 dengan kecekapan tatabahasa dan pemahaman makna B2.

Selanjutnya, Noor Zila (2015) mengkaji BA dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2. Seramai 28 orang pelajar tahun empat di Sekolah Kebangsaan Bukit Nibong, Meradong, Sarawak menjadi responden kajian dengan B1 mereka ialah Bahasa Iban manakala Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kajian tersebut. Terdapat empat aspek yang ditekankan dalam kajian ini iaitu pendedahan BA melalui dua strategi sahaja daripada lima strategi BA (Selinker, 1972) iaitu Strategi Komunikasi dan Strategi Pembelajaran, faktor persekitaran linguistik dan strategi pengajaran berkesan. Hasil dapatan kajian mendapati Strategi Komunikasi mencatatkan peratus tertinggi berbanding aspek pengelakan tajuk, pengurangan mesej dan pengguguran mesej. Hal ini menunjukkan persamaan dengan hasil dapatan kajian pengkaji yang turut mendapati Strategi Komunikasi dalam bentuk pengelakan peralihan kod telah mendominasi perbualan BA. Seterusnya, keseluruhan hasil dapatan kajian telah membantu Noor Zila (2015) untuk menghasilkan strategi pengajaran berkesan dalam Bahasa Melayu sebagai B2. Hal ini termasuklah teknik drama yang telah dikemukakan untuk pengajaran kemahiran lisan pelajar.

Shahidi dan Shirley (2014) telah mengkaji BA melalui pendekatan fonetik akustik iaitu penelitian terhadap sebutan Bahasa Melayu oleh penutur bukan Melayu iaitu penutur Iban. Dalam kajian tersebut, sistem sebutan yang dihasilkan dalam bahasa sasaran difokuskan terhadap sebarang kesalahan selain faktor gangguan bahasa pertama sahaja. Menurut Shahidi dan Shirley (2014), unsur linguistik tersendiri yang dikenali sebagai BA berlaku dalam sebutan responden. Hal ini jelas apabila analisis Masa Mula Suara (*Voice Onset Time*) yang diaplikasikan sebagai perakam sebutan menunjukkan sistem sebutan responden tidak menyerupai bahasa pertama (Bahasa Iban) mahupun bahasa kedua (Bahasa Melayu) dan kesalahan jelasnya bersifat sistematik. Oleh itu, ciri tersebut membuktikan terdapatnya pembentukan BA dalam sebutan penutur bukan Melayu Iban. Kajian menumpukan perhatian terhadap penghasilan fitur-fitur linguistik ke atas segmen bunyi plosif /p, b, t, k, g/ yang hadir di posisi awal bagi kedua-dua bahasa iaitu

bahasa Iban dan bahasa Melayu yang dihasilkan oleh pelajar Iban. Dapatan kajian menunjukkan faktor sistem bunyi bahasa pertama hanya menunjukkan sebilangan kecil pengaruhnya dan selebihnya sistem bunyi dikatakan tidak menyerupai atau tidak mendekati sama ada bahasa pertama iaitu bahasa Iban ataupun bahasa kedua iaitu Bahasa Melayu.

Seterusnya, kajian berkaitan BA dapat dikenal pasti dalam kajian Asiah (2013) telah mengkaji penggunaan bahasa Inggeris yang terhad dalam kalangan guru dalam pengajaran subjek Sains di dalam kelas. Dalam konteks ini, fokus kajian tersebut ialah untuk menilai tahap dan keadaan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai B2 oleh guru di kawasan pedalaman yang mengajar subjek Sains dalam bahasa Inggeris. Selain mendedahkan kepincangan dan konflik yang berlaku terhadap guru yang terlibat dalam dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), kajian tersebut mendapati terdapat elemen BA yang menonjol dalam usaha guru tersebut mengajar dalam B2 iaitu Bahasa Inggeris. Rakaman perbualan yang direkodkan semasa sesi pengajaran di dalam kelas mendedahkan penggunaan Bahasa Inggeris para guru sememangnya lemah dan terbatas terhadap arahan pengajaran yang mudah dan sebagainya. Oleh itu, komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran seperti penambahan yang tidak tepat menemukan beberapa fenomena BA. Walaupun ujaran tersebut tidak mempunyai kesalahan nahu, namun jelas makna ujaran guru tersebut tidak tepat dan tidak jelas dalam B2. Berdasarkan senario ini, pengkaji mendapati terdapat kekangan dalam menyampaikan sesuatu ujaran dalam B2 terutamanya apabila ujaran tersebut tidak menepati makna yang ingin disampaikan oleh penutur. Strategi yang teratur dan pendekatan untuk mendalami B2 amat penting agar penyebaran ilmu tidak salah.

Dalam konteks yang berbeza, kajian BA turut diterokai dalam perspektif penulisan oleh Luna (2010). Fokus dalam kajian oleh Luna (2010) ialah membincangkan kehadiran BA dalam kalangan mahasiswa Universiti Màlaga, Sepanyol yang tertumpu pada aspek sintaksis dan wacana berdasarkan hasil penulisan bahasa kedua (B2) mereka. Kajian ini melibatkan 27 orang pelajar tahun ketiga dalam Ijazah Sarjana Muda *English Philology* yang mempunyai bahasa pertama (B1) bahasa Sepanyol dan bahasa kedua (B2) mereka dalam kajian ini iaitu Bahasa Inggeris. Berdasarkan kaedah kajian kuantitatif dan deskriptif, hasil kajian menjelaskan bahawa tempoh yang agak lama dalam mempelajari B2 iaitu Bahasa Inggeris menunjukkan tahap kecekapan B2 pelajar yang baik. Walau bagaimanapun, tahap kecekapan setiap pelajar adalah berbeza-beza dan salah satu penemuan yang ditemui dalam kajian Luna (2010) ialah fosilisasi. Kemunculan fosilisasi merupakan salah satu bukti fenomena BA. Hal ini jelas dan terbukti bahawa sungguhpun kecekapan B2 yang dimiliki oleh sampel berada dalam tahap yang memuaskan, namun elemen fosilisasi merupakan suatu ciri linguistik yang tidak dapat dielakkan dalam usaha mempelajari atau menggunakan B2. Dalam konteks kajian Luna (2010), elemen fosilisasi dilihat dominan dalam semua sampel kajian walaupun perbezaan item linguistik bergantung pada tahap kecekapan pelajar. Fitur atau ciri linguistik dapat dikenal pasti berdasarkan sistem tatabahasa B2 yang lemah dan gangguan kognitif B1.

Seterusnya, dalam dimensi yang sama namun berbeza, cakupan penerokaan kajian BA dikaji oleh Alice (2010) dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2. Kajian tersebut menganalisis bentuk BA yang terhasil dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2 dalam karangan pelajar tahun lima. Menerusi borang soal selidik, kajian Alice (2010) mengenal pasti faktor persekitaran pelajar yang mempengaruhi penghasilan BA dalam proses pembelajaran dan penguasaan B2. Secara umumnya, Alice (2010) memfokuskan kajiannya dalam meneliti proses BA secara keseluruhan ayat yang dihasilkan oleh pelajar daripada gabungan empat buah sekolah rendah luar bandar di Sandakan, Sabah. Alice (2010) menganalisis BA yang wujud dalam 59 buah karangan pelajar berdasarkan lima proses utama BA yang dikemukakan oleh Selinker (1972) iaitu strategi komunikasi, pemindahan latihan, strategi pembelajaran, pemindahan bahasa dan generalisasi terlampau. Hasil analisis dan dapatan kajian mendedahkan kelima-lima proses BA terdapat dalam penulisan karangan pelajar tahun lima tersebut.

Selanjutnya, kajian BA mendapat perhatian pengkaji tempatan iaitu Puteri Roslina (2004) dalam kajiannya yang mencungkil pembentukan BA melalui pemerolehan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Berbeza dengan sampel kajian Susan (2002) yang menggunakan sampel kanak-kanak Bidayuh, Puteri Roslina (2004) menggunakan kanak-kanak yang berumur antara lima hingga enam tahun daripada pelbagai bangsa iaitu Melayu, Cina dan India. Oleh itu, B1 yang digunakan oleh mereka juga berdasarkan bahasa ibunda masing-masing. Sungguhpun begitu, B2 dalam kajian tersebut ialah Bahasa Inggeris. Hipotesis BA oleh Selinker (1972) telah diaplikasikan dengan menghuraikan kelima-lima proses yang dikemukakan oleh Selinker. Hasil kajian menunjukkan kelima-lima proses yang

dikemukakan oleh Selinker (1972) dikesan dalam kajian tersebut dan proses Strategi Komunikasi merupakan strategi yang dominan ditemui dilakukan oleh kanak-kanak untuk menghasilkan BA.

## METODOLOGI

### 3.1 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah pemerhatian. Kaedah ini diaplikasikan seiring dengan tajuk dan objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti dan menganalisis BA daripada perbualan lisan. Rentetan itu, untuk mendapatkan data hasil perbualan lisan, cara yang terbaik ialah dengan membuat pemerhatian terhadap rakaman perbualan sampel kajian yang telah diperolehi pada kajian lapangan.

Seterusnya, dalam konteks kajian ini, kaedah transkripsi ortografi dan kaedah Atkinson dan Heritage (1984) diaplikasikan dalam mempersembahkan data dapatan kajian. Transkripsi data melibatkan proses dengar dan tulis rakaman audio perbualan menerusi alat perakam suara. Sepanjang proses tersebut, pengkaji melakukan pemerhatian secara berulang disamping pemerhatian terhadap pergerakan non verbal yang telah dicatatkan yang ditonjolkan oleh sampel kajian sepanjang perbualan berlangsung. Berikut merupakan antara simbol transkripsi berdasarkan Atkinson dan Heritage (1984) yang diaplikasikan dalam kajian ini:

**Jadual 1.** Simbol Transkripsi Atkinson & Heritage (1984).

Simbol	Maksud
[[	Ujaran yang sama dan serentak
[ ]	Pertindahan ujaran
=	Ujaran yang berterusan atau menyambung ujaran sebelumnya
( )	Kesenyapan / jeda (tempoh masa kesenyapan dicatatkan dalam symbol
::	Bunyi atau suku kata dipanjangkan
(( ))	Perlakuan bukan verbal atau sebarang keterangan adegan perbualan
( )	Ujaran yang tidak jelas bunyi atau makna (dalam simbol dibiarkan kosong)

### 3.2 Bahan Kajian

Dalam konteks ini, pengkaji menggunakan alat perakam suara *Philips Voice Tracer Recorder VTR5000* bagi merakam perbualan antara penutur Melayu dan bukan Melayu. Kajian perbualan ini menggunakan alat perakam suara sahaja tanpa alat rakaman video. Hal ini kerana penggunaan rakaman video didapati agak sukar untuk pengkaji mendapatkan kerjasama dan sekiranya sampel memberikan kerjasama sekalipun, hasil perbualan tidak begitu berkesan dan tidak berjalan dengan lancar kerana sampel kelihatan seakan-akan terganggu dan malu untuk meneruskan perbualan. Hal ini bukan sahaja akan mengganggu kelancaran proses pengumpulan data malah mampu menggugat keaslian rakaman perbualan sekaligus memberi nilai yang rendah terhadap penganalisan hasil dapatan kajian.

### 3.3 Pensampelan


Dalam konteks kajian ini, sampel kajian ditentukan dengan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian (*nonprobability sampling*) bertujuan. Nor Hashimah (2007) menjelaskan bahawa tiada had

kebarangkalian bagi seseorang untuk dijadikan sampel dalam kaedah pensampelan bukan kebarangkalian ini kerana yang perkara yang dipentingkan ialah segala ujaran yang dirakam antara sampel dalam perbualan supaya persoalan kajian dapat diujahkan dan dirungkaikan dengan hasil dapatan kajian. Selari dengan pendapat tersebut, Rozmi (2016) turut berpendapat bahawa dalam pensampelan bukan kebarangkalian, unit sampel dipilih berasaskan penilaian individu atau kemudahan penyelidik dan tidak semua unit populasi mempunyai peluang untuk dipilih menjadi sampel. Oleh itu, individu yang dipilih sebagai sampel dalam kajian ini berasaskan faktor mempunyai ciri tertentu seperti terdapat penutur yang mempunyai Bahasa Melayu sebagai pertamanya dan penutur yang mampu berkomunikasi Bahasa Melayu sebagai bahasa keduanya sama ada secara lancar atau tidak lancar.

Rentetan itu juga, sampel dalam kajian ini ditetapkan sebanyak 20 orang sampel yang terdiri daripada 11 orang penutur yang berbangsa Melayu dan 9 orang penutur bukan Melayu yang terdiri daripada pelajar antarabangsa atau pelajar luar negara berbangsa Arab, China, Nigeria dan Jerman dalam kalangan pelajar dan pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Dalam hal ini, bagi penutur bukan Melayu, bahasa pertama atau ibunda yang digunakan ialah terdiri daripada bahasa Arab, China dan Nigeria, bahasa Inggeris atau bahasa asing lain. Dalam konteks penutur Melayu, B1 mereka tentunya ialah Bahasa Melayu manakala bahasa kedua dalam kajian ini bagi kedua-dua kategori penutur ialah Bahasa Melayu.

### 3.4 Prosedur Kajian

Prosedur kajian ini merangkumi beberapa tatakkerja yang diusahakan menuju kepada tercapainya objektif kajian. Dalam aspek ini, prosedur kajian merangkumi dua proses iaitu proses pengumpulan data dan penganalisan data. Kajian bermula dengan pengenalan dan pencarian 20 orang penutur Melayu dan bukan Melayu yang terdiri daripada mahasiswa dan orang awam di Universiti Putra Malaysia. Seterusnya, sesudah pengkaji berjaya mendapatkan kerjasama responden kajian, rakaman perbualan lisan telah dijalankan dalam tempoh masa selama 5 minit sehingga 15 minit. Tempoh masa yang tidak terlalu pendek mahupun tidak terlalu lama tersebut merupakan tempoh masa yang relevan bagi sesuatu perbualan. Hal ini dikukuhkan oleh Cook (1989, melalui Cutting, 2002), beliau mencatatkan bahawa ciri percakapan yang boleh dikelaskan sebagai perbualan antaranya ialah hanya memerlukan bilangan orang berbual yang sedikit, giliran berbual lazimnya singkat, dan perbualan dikhususkan kepada peserta perbualan sahaja dan bukan orang sekeliling. Setelah itu, proses penganalisan data pula dilakukan yang melibatkan transkripsi perbualan dan pemerhatian terhadap rakaman audio dilakukan secara berulang-ulang bagi mengenal pasti elemen BA yang diungkapkan. Berikut merupakan gambaran secara literal prosedur kajian ini:



Rajah 1. Prosedur Kajian

### 3.5 Tempat Kajian

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia menjadi lokasi untuk mendapatkan data daripada responden kajian kerana fakulti tersebut berpotensi tinggi mempunyai responden atau sampel yang terdiri daripada penutur bahasa pertama yang mempelajari atau menggunakan bahasa kedua mereka. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan dalam kajian ini latar kajian ialah di luar bilik atau kelas yang mengandungi pembelajaran yang formal B2, latar tertumpu kepada suasana yang tidak formal dan perbualan yang spontan serta tidak terancang antara penutur Melayu dan penutur bukan Melayu.



### 3.6 Penganalisan Data

Kajian ini merupakan kajian lapangan dan penganalisan data dalam kajian ini dibuat melalui pendekatan analisis kualitatif bagi meneroka BA yang terhasil melalui perbualan lisan penutur bahasa pertama (B1) dan penutur bahasa kedua (B2). Kajian kualitatif dipilih kerana kesesuaiannya dalam menghuraikan data yang bersifat mendedahkan realiti dalam kehidupan sosial yang melibatkan sebarang bentuk perbualan dan memerlukan penelitian secara mendalam terhadap setiap penemuan yang diperolehi. Hal ini dikukuhkan dengan penjelasan Rozmi Ismail (2016) yang menyatakan tujuan penyelidikan kualitatif adalah untuk mengkaji dan memahami proses yang berlaku dalam situasi dan keadaan realistik agar maklumat yang relevan dengan kajian mampu dicapai. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapatkan data dengan merakam komunikasi verbal yang sebenar yang berlaku dalam kalangan penutur berbangsa Melayu dan bukan Melayu. Keseluruhan data dikumpulkan dengan menggunakan alat rakaman suara yang dirakam secara spontan semasa perbualan berlaku. Dengan berpandukan rakaman perbualan dan transkripsi yang dilakukan, proses menganalisis data mentah dilakukan dengan pendedahan terhadap proses-proses utama yang dapat menerangkan BA (Selinker, 1972).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam analisis dapatan dan perbincangan ini, pengkaji akan membincangkan proses dalam BA yang dikemukakan oleh Selinker (1972), iaitu Pemindahan Bahasa, Pemindahan Latihan, Strategi Pembelajaran, Strategi Komunikasi dan Generalisasi Terlampau. Kewujudan kelima-lima proses ini dikatakan oleh Selinker sebagai struktur pendam psikologi yang mampu diterokai apabila seseorang penutur dewasa mencuba melahirkan ujaran dalam B2 yang dipelajari.

### 4.1 Strategi Komunikasi

Dalam aspek dapatan kajian ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa pendekatan yang diaplikasikan oleh interlokator perbualan yang menyerlahkan pembentukan BA melalui strategi komunikasi iaitu peralihan kod. Hal ini dilakukan oleh penutur Melayu dan penutur bukan Melayu sama ada secara lisan atau bukan lisan apabila menghadapi kesukaran untuk meneruskan komunikasi disebabkan oleh kekurangan perbendaharaan kata dalam B2. Strategi komunikasi melalui peralihan kod merupakan penggunaan kata dalam bahasa pertama (B1) dalam konteks bahasa kedua (B2). Fenomena peralihan kod didapati membantu penutur B2 menyampaikan maksud walaupun kurang pengetahuan dan perbendaharaan kata dalam B2 tersebut. Sungguhpun begitu, tidak semua situasi peralihan kod menggambarkan kekurangan perbendaharaan kata penutur B1. Hal ini kerana latar pendidikan dan kepelbagaian masyarakat yang rata-rata memiliki kelebihan dwibahasa atau lebih menyebabkan mereka cenderung menyebabkan peralihan kod. Jadual 2 menunjukkan antara contoh peralihan kod yang berlaku dalam perbualan antara penutur Melayu (seterusnya PM) dengan penutur bukan Melayu (PBM):

Jadual 2. Strategi Komunikasi (Peralihan Kod).

Responden	Peralihan kod
PBM 1	Kursus TESL, saya habis dalam UiTM <i>two thousand thirteen</i> , saya ada kawan Melayu, saya belajar bahasa Melayu sebab kawan saya orang Melayu, tetapi saya bila pergi ke sini saya tidak boleh cakap bahasa Melayu setiap hari sebab ini ada orang Arab, <i>so</i> saya cakap bahasa Arab tak cakap bahasa Melayu, sekarang bahasa Melayu saya <i>getting little, is not like before</i> .
PM 3	Zainab <i>come here</i> . Saya nak tanya awak nak pergi mana? Awak nak pergi mana? saya tanya awak nak ke mana?
PM 3	Hurm... <i>where are you going?</i>
PM 3	Dua tahun... <i>so</i> awak suka tak Malaysia?
PBM 9	Sebab itu <i>education</i> bagus and itu kan Muslim <i>country</i>

Contoh tersebut menunjukkan peralihan kod yang berlaku dengan penggunaan kata Bahasa Inggeris sebagai salah satu strategi komunikasi dalam perbualan. Penggunaan Bahasa Inggeris merupakan peralihan kod yang paling mudah dikesan dan dominan dalam perbualan sebagai membantu kelancaran komunikasi selain menampung kekangan kekurangan kosa kata dalam Bahasa Melayu oleh PBM. Manakala bagi pihak PM pula, peralihan kod diaplikasikan sebagai membantu PBM memahami maksud yang ingin disampaikan atau sebagai medium pemudah terhadap kerumitan masalah leksikal PBM. Hasil kajian ini turut mempunyai persamaan dengan hasil kajian Che Ibrahim Salleh, Yong Chyn Chye dan Vijayaletchumy (2014) yang mengkaji strategi pembelajaran Bahasa Melayu oleh pelajar asing di IPTS. Kajian tersebut mendedahkan bahawa persekitaran secara tidak formal seperti perbualan di luar kelas menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris yang berfungsi sebagai alat perhubungan antarabangsa.

Tambahan, kajian mendapati PBM lebih selesa menggunakan Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu apabila berkomunikasi dengan PM yang berwarganegara Malaysia. Oleh itu, tidak hairanlah dominasi penggunaan Bahasa Inggeris sebagai peralihan kod merupakan alternatif yang kerap digunakan dalam proses peralihan bahasa B1 kepada kecekapan B2 atau BA. Umumnya, situasi ini merupakan sesuatu fenomena yang amat disedari oleh pelbagai pihak namun kesungguhan untuk mengubah sikap berbahasa dengan berbahasa Melayu secara mantap tidak diendahkan dan masih berterusan sehingga kini. Dengan mengambil contoh dapatan kajian iaitu data pertama, penutur bukan Melayu 1 (PBM 1) cuba menjayakan perbualan lisan dengan peralihan kod B2 iaitu bahasa Inggeris dengan menggunakan perkataan '*two thousand thirteen*', '*so*' dan '*getting little, is not like before*' apabila berbual dengan penutur Melayu 1 (PM 1) dan PM 2 kerana ingin memudahkan penyampaian mesej atau makna. Hal ini menunjukkan PBM 1 menggunakan teknik peralihan kod untuk meneruskan perbualan mereka agar pendengar iaitu PM 1 dan PM 2 mendapatkan makna atau maksud yang ingin disampaikan. Peralihan kod dalam situasi tersebut bukan sesuatu yang disengajakan oleh PBM, malah terpaksa untuk keperluan pemahaman pendengar atau PM 1 dan PM 2.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, responden PBM 1 mengujarkan bahasa keduanya dengan begitu pantas, namun beliau kerap mengulangi perkataan yang sama dan pergerakan matanya yang memandang ke arah lain seperti sedang berfikir apabila menghadapi kesukaran perbendaharaan kata. Misalnya, ayat '*getting little, is not like before*' merupakan peralihan kod dalam struktur ayat yang tidak disengajakan setelah beliau mencuba mencari perbendaharaan dalam bahasa kedua iaitu Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, hal ini berbeza dengan peralihan kod yang terdapat dalam perbualan data kedua kerana terdapat peralihan kod bagi perkataan '*come here, where are you going*' dan '*so*' yang merupakan ungkapan yang disengajakan dalam perbualan tersebut. Misalnya, peralihan kod oleh PM 3 iaitu ungkapan '*so*' telah diulang sebanyak tiga kali dikenal pasti sebagai bentuk peralihan kod yang disengajakan sebagai kebiasaan yang sering berlaku dalam masyarakat multibahasa di Malaysia. Kajian Siti Rahimah, Raja Masittah dan Normahdiah (2014) menjelaskan penggunaan perkataan '*so*' yang sememangnya menjadi pilihan penggunaan dalam percampuran bahasa dalam kalangan masyarakat atas faktor ekonomi bahasa. Tambahan, menurut Siti Rahimah et al., (2014), perkataan '*so*' lebih mudah diujarkan dan ditulis berdasarkan bilangan fonemnya atau suku katanya satu sahaja berbanding perkataan '*jadi*' yang terdiri daripada dua fonem iaitu '*ja*' dan '*di*'.

## 4.2 Pemandahan Bahasa

Dalam kajian ini, pengkaji mengenal pasti strategi pemindahan bahasa melalui bentuk ujaran iaitu bentuk terjemahan literal. Lanjutan itu, strategi pemindahan bahasa memperlihatkan penggunaan BA yang menyerlahkan pengaruh bahasa ibunda atau bahasa komunikasi asas PBM di Malaysia iaitu Bahasa Inggeris. Tahap kecekapan penggunaan Bahasa Melayu sebagai B2 tidak sama antara seorang individu dengan individu yang lain. Namun begitu, berdasarkan dapatan kajian, pemindahan bahasa terhadap PBM yang mempunyai kecekapan B2 yang tinggi sekalipun turut tidak terkecuali daripada melakukan kesilapan sekaligus menyerlahkan sistem BA yang tersendiri. Hal ini tidak dapat dinafikan memandangkan proses BA ialah proses ke arah kecekapan dalam berbahasa Melayu. Misalnya, Muhammad Ariff (1979) berpendapat bahawa kekayaan perbendaharaan kata pelajar bahasa kedua tidak menjamin kecekapan mereka berbahasa kedua selagi masih kuat faktor sosiobudaya keturunannya.

Dalam konteks ini, pemindahan bahasa mempunyai pertalian dengan terjemahan secara literal. Hal ini kerana terjemahan literal kerap berlaku apabila penutur memindahkan B1 kepada B2 secara langsung meskipun sistem nahu dan makna dalam B2 daripada terjemahan tersebut tidak tepat dan tidak betul. Menurut Nida et al. (1969) dalam Ainon Mohamad dan Abdullah Hassan (2003), mengatakan bahawa terjemahan membawa maksud “Penyalinan semula ke dalam bahasa penerima maklumat daripada bahasa asal dalam bentuk persamaan terdekat dan bersahaja: pertama dari segi makna dan kedua dari segi gayanya”, manakala literal ialah sesuatu yang berasaskan makna sebenar atau makna biasa yang tersurat bukan tersirat kata-kata yang digunakan. Padanan sama yang lazim digunakan ialah persamaan makna, stilistik dan reaksi sebenar teks atau bahan asal. Dalam kajian ini, penterjemahan literal didefinisikan sebagai proses memindahkan ujaran sesuatu bahasa sumber iaitu (B1) kepada bahasa sasaran (B2) sama ada PM atau PBM. Berikut merupakan bentuk pemindahan bahasa yang berlaku dalam aspek terjemahan literal:

PM 11: Dalam masa yang sama ada bekerja ke tidak bekerja ke *or* memang *full time*?

PBM 9: Tak tak dulu **saya suami** ada sini tinggal saya tapi *we* balik **saya country** dan datang lagi

Dalam perbualan antara PBM 9 dengan PM 11, dapat dikesan PBM 9 telah melakukan pemindahan bahasa iaitu daripada Bahasa Inggeris secara terjemahan literal kepada Bahasa Melayu. Sungguhpun PBM 9 merupakan penutur natif dengan B1 Bahasa Arab, namun dalam konteks ini pengaruh Bahasa Inggeris lebih jelas mendominasi persekitaran penguji perbualan. Oleh itu, PBM 9 telah melakukan pemindahan Bahasa Inggeris secara terjemahan literal ke dalam bahasa Melayu sebagai B2 dalam perbualan tersebut. Dalam konteks ini, frasa ‘saya suami’ dan ‘saya *country*’ merupakan frasa yang mengandungi kesalahan tatabahasa iaitu menyalahi hukum D-M (Diterangkan – Menerangkan) yang terdapat dalam Bahasa Melayu. Dalam perbualan tersebut, PBM 9 melakukan pemindahan bahasa dengan memindahkan kepada hukum M-D (Menerangkan –Diterangkan) yang terdapat dalam Bahasa Inggeris. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2013), peraturan yang terdapat dalam Hukum D-M menjelaskan bahawa unsur yang diterangkan itu merupakan unsur inti yang hadir pada kedudukan pertama dan unsur menerangkan merupakan unsur penerang yang hadir pada kedudukan yang kedua. Sepatutnya, frasa yang tepat ialah ‘suami saya’ dan ‘negara saya’ digunakan dalam perbualan tersebut.

### 4.3 Strategi Pembelajaran

Seterusnya, proses strategi pembelajaran turut dapat dikesan dalam perbualan yang dirakam. Dalam kajian ini, terdapat aspek pemudahan yang digunakan sebagai pendekatan strategi pembelajaran iaitu keadaan penutur bahasa mengabaikan sistem nahu B2 dengan memudahkan melalui pelbagai pelanggaran nahu B2 demi melancarkan perbualan ketika berkomunikasi. Pemudahan yang berlaku dan ditemui dalam kajian ini ialah kata ganti nama diri.

PBM 2: Dia cantik.

PBM 8: Hobi saya suka main, main ke?maing::bola sepak tangan ping pong, saya baru ambil gold medal dekat karnival fakulti kita punya

Berdasarkan contoh diatas, terdapat dua jenis kata ganti nama diri yang dipermudahkan oleh PBM 2 dan PBM 8 dalam perbualan iaitu kata ganti nama diri pertama ‘kita’ dan kata ganti nama diri ketiga iaitu ‘mereka’ dan ‘dia’. Dalam konteks kata ganti diri ketiga iaitu ‘dia’ pada barisan ujaran 31, PBM 2 menyebut ‘dia cantik’ walaupun sebenarnya dalam situasi tersebut PBM 2 sedang merujuk PM 3 yang sedang berbual-bual dengannya. Dalam situasi tersebut, PBM 2 ingin menyatakan bahawa PM 3 cantik dan sepatutnya menggunakan kata ganti nama diri kedua iaitu dengan ujaran ‘awak cantik’. Namun demikian,

akibat kelemahan strategi pembelajaran kata ganti nama diri B2 yang dimilikinya, PBM 2 telah membentuk sistem BA tersendiri dengan mengujarkan kata ganti nama diri ketiga 'dia cantik'.

Seterusnya, kata ganti nama diri pertama 'kami' kerap dilakukan oleh PBM 6 untuk merujuk kata ganti nama diri pertama iaitu 'kami'. Berdasarkan situasi ayat perbualan, PBM 6 sebenarnya ingin merujuk dirinya dan masyarakat atau kawan-kawannya, namun telah keliru dengan memudahkan ujarannya dengan menggunakan kata ganti nama diri 'kami' untuk rujukan tersebut. Menurut Asmah Omar (2014), kata ganti nama diri pertama 'kami' dan 'kita' digunakan untuk sesuatu yang jamak tetapi 'kami' mempunyai bentuk eksklusif iaitu menyingkirkan orang kedua, manakala 'kita' berbentuk inklusif iaitu memasukkan orang kedua. Dalam konteks perbualan tersebut, kata ganti nama diri pertama 'kami' sewajarnya digunakan berbanding kata ganti nama diri pertama 'kita'.

Dalam aspek pembelajaran kata ganti nama diri, penutur B2 mana-mana pun yang masih berada dalam tahap BA dengan kategori mesolek, basilek selalunya akan menghadapi kekeliruan dan kesukaran membezakan antara kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Misalnya, kajian oleh Puteri Roslina (2004) mendapati pelajar B2 dalam Bahasa Inggeris melakukan kesilapan dalam kata ganti nama diri (*pronouns*) dan kata ganti milik (*possessive*). Walau bagaimanapun, dapatan kajian Puteri Roslina (2004) berbentuk kata ganti nama ini berbeza daripada dapatan kajian ini kerana berada dalam konteks kategori penghilangan dan bukan dalam kategori pemudahan seperti dalam kajian ini. Selain bahasa Inggeris sebagai B2, kajian B2 dalam bahasa Arab oleh Mohamad Rofian, Ahmad Redzaudin, Khairatul Akmar & Nor Effendy (2014) turut mendedahkan pelajar melakukan kesalahan dalam kata ganti nama diri yang disebut (*dhomir*) dalam Bahasa Arab.

Ternyata, melalui strategi pembelajaran B2 yang diaplikasikan dalam perbualan, PBM secara langsung dan tidak langsung membentuk sistem peraturan bahasa tersendiri yang dikenali sebagai BA. Proses pembelajaran B2 di dalam kelas secara formal tidak dapat menjamin kemantapan penggunaan B2 di luar kelas terutamanya dalam konteks perbualan tidak formal. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui kajian Yong Chyn Chye (2012) yang mendapati PBM yang terdiri daripada pelajar antarabangsa lebih cenderung mempraktikkan strategi pembelajaran Bahasa Melayu secara formal yang dirancang guru bahasa di dalam kelas dan menjadi pasif menggunakan Bahasa Melayu di luar kelas. Oleh itu, Strategi Pembelajaran yang cuba dipraktikkan dalam perbualan bukanlah tempoh yang singkat dan mudah kerana pelbagai kekeliruan dan kerumitan bakal dihadapi sebagai proses mengembangkan proses pembelajaran individu dalam B2 tersebut.

#### 4.4 Pemindahan Latihan

Pemindahan latihan ialah teknik atau kaedah yang diaplikasikan oleh pelajar atau pengajar B2 yang mampu mempengaruhi pemerolehan B2 seseorang penutur B2. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak dapat memastikan teknik mengajar atau kaedah yang digunakan oleh pengajar bahasa secara jelas dalam kajian ini memandangkan situasi kajian ini melibatkan konteks di luar kelas dan keadaan perbualan tidak formal. Namun begitu, pengkaji mengaitkan beberapa pendekatan, kelakuan dan kecenderungan kesilapan yang dilakukan oleh penutur sebagai strategi pemindahan latihan dalam perbualan ini. Dalam aspek ini, berlaku BA melalui pemindahan latihan yang berbentuk Kata Ganti Nama Tunjuk dalam perbualan antara PM dengan PBM. Nik Safiah Karim et al. (2013) menyenaraikan bahawa terdapat dua kategori utama Kata Ganti Nama Tunjuk iaitu Kata Ganti Nama Tunjuk Umum, iaitu 'itu' dan 'ini', dan Kata Ganti Nama Tunjuk Tempat pula ialah 'sini' dan 'sana'. Dalam konteks dapatan kajian ini, Kata Ganti Nama Tunjuk yang terbit daripada perbualan ialah 'itu', dan 'ini'.

PBM 1: ...saya tidak boleh cakap bahasa Melayu setiap hari sebab **ini** ada orang Arab...

Berdasarkan contoh diatas, PBM 1 telah menggunakan Kata Ganti Nama Tunjuk Umum yang menampakkan kekeliruan dalam perbualan. Dalam konteks PBM 1, Kata Ganti Nama Tunjuk 'ini' telah menunjukkan percanggahan dengan peranannya dalam konteks ayat. Hal ini kerana, Kata Ganti Nama Tunjuk 'ini' berfungsi menunjuk pada yang dekat, sedangkan dalam konteks ayat tersebut lebih merujuk

kepada tempat iaitu di tempat PBM 1 menuntut ilmu. Oleh itu, imbuhan kata sendi nama 'di' perlu digabungkan dengan kata ganti nama tunjuk 'sini' secara jarak diikuti dengan perkataan-perkataan lain supaya maksud ujaran lebih tepat. Ayat yang betul ialah "...sebab **di sini** ada orang Arab...".

Secara kesimpulannya, fenomena ini merupakan implikasi pemindahan latihan yang terdapat dalam pembelajaran B2 seseorang. PBM kemungkinan tidak dapat membezakan dengan tepat fungsi setiap kata ganti nama, fungsi kata sendi nama dan kata hubung kerana dalam Bahasa Melayu kaya dengan variasi penggunaan golongan kata seperti terdapat 17 kata sendi nama, kata ganti nama pula terbahagi kepada dua bahagian utama dan setiap satunya mempunyai bahagian kecil lain dan berbeza-beza fungsi, dan kata hubung atau dikenali sebagai kata penyambung ayat mempunyai variasi fungsi dalam struktur ayat Bahasa Melayu Nik Safiah Karim et al. (2013). Oleh itu, tidak hairanlah strategi Pemindahan Latihan menyumbang kepada pembentukan BA dalam perbualan antara PM dengan PBM dalam keadaan spontan dan tidak formal seperti yang terdapat dalam kajian ini.

#### 4.5 Generalisasi Terlampau

Menurut Puteri Roslina (2004), pada peringkat awal pelajar B2 cenderung membuat generalisasi berasaskan darjah penggunaan dalam bahasa sasaran, akhirnya diubahsuai dan dihadkan kepada bentuk-bentuk tertentu sahaja. Dalam aspek ini beberapa elemen BA kemungkinan terbentuk daripada generalisasi terlampau. Berdasarkan hasil dapatan kajian, Generalisasi Terlampau berlaku dalam aspek imbuhan kata nama bahasa Melayu oleh PBM. Berikut merupakan perbualan yang dikesan mengandungi elemen proses generalisasi terlampau:

PM 11: saya pun selalu pergi sana *so* selama duduk dekat Malaysia rasa macam budaya orang Malaysia macam mana pemakanan dia?

PBM 9: ya makanan saya suka makanan banyak-banyak ok nasi lemak, nasi paprik, semua sekarang saya anak pun sebab ada dua anak erm saya *deliver* sini, ok dia **makanan** nasi sahaja tak boleh makanan roti, saya *country* makan roti dan saya tak banyak tapi sini *already* dia *adapt* ok *so* makanan Malaysia I suka Asean

Perbualan tersebut menunjukkan kekeliruan kata kerja 'makan' dan kata nama yang berimbuhan akhiran -an iaitu 'makanan'. Menurut Nik Safiah et al. (2013), akhiran -an apabila bergabung dengan kata dasar daripada golongan kata kerja membawa makna perkara atau benda yang menjadi penderita kerja. Dalam konteks perbualan tersebut, kata kerja 'makan' lebih tepat berbanding makna kata nama 'makanan' bagi memenuhi makna perbualan tersebut iaitu PBM 4 memerihalkan anaknya yang gemar memakan nasi daripada memakan roti yang menjadi kebiasaan budaya pemakanan masyarakat Arab. Kesimpulannya, PBM 9 telah membentuk proses generalisasi terlampau dalam B2 iaitu perkataan B2 telah digeneralisasikan atau telah dibuat kesimpulan umum tentang peraturan B2 lalu melakukan kesilapan secara langsung dalam penggunaan B2 dalam perbualan.

#### KESIMPULAN

Bahasa Antara sememangnya wujud dan berlaku dalam perbualan lisan antara penutur yang mempunyai B1 dan B2. Kelima-lima proses utama BA yang digariskan oleh Selinker (1972) terdapat dalam perbualan antara PM dengan PBM. Kajian terhadap elemen yang terdapat dalam BA ini dapat membantu bukan sahaja penutur BA dalam memperbaiki dan memantapkan penggunaan bahasa keduanya malah memastikan interaksi dan komunikasi antara penutur berjalan dengan lancar dan difahami oleh kedua-dua pihak. Kegagalan pemahaman dan penguasaan konteks penggunaan BA yang terdapat dalam situasi perbualan dan salah tafsir terhadap tahap kecekapan penutur B2 bukan sahaja mampu menimbulkan salah faham, malah mampu menjejaskan air muka penutur lantas membantutkan kesinambungan komunikasi

berkenaan (Masfuad & Yuvita, 2015). Hal ini perlu diperhatikan dengan serius dan usaha membantu proses peralihan BA yang berterusan perlu diteruskan dalam pelbagai aspek.

Seterusnya, kajian ini memberi implikasi yang penting kepada pendidik dan penutur atau pelajar dalam proses kecekapan pemerolehan bahasa kedua mereka. Secara umumnya, kemunculan BA merupakan manifestasi percubaan dan kesilapan serta perbandingan yang dinilai semasa interaksi antara dua bahasa. Rentetan itu, BA yang terhasil akan membantu pendidik bahasa agar lebih peka terhadap kekangan dan kesilapan yang dihadapi pelajar bahasa kedua. Kesilapan yang dilakukan bukanlah suatu kelemahan tetapi perlu dilihat sebagai penanda aras atau tahap kecekapan yang dimiliki pelajar bahasa kedua bagi memperbaiki kecekapan bahasa keduanya. Walau bagaimanapun, menurut Zulkifley Hamid (2015), proses pedagogi dalam pembelajaran bahasa yang diamalkan secara formal lebih menekankan aspek sistem peraturan bahasa atau tatabahasa. Hal ini menjadikan input pengetahuan bahasa berkemungkinan menjadi tidak sekata yang menjadikan hanya pengetahuan nahu lebih mantap berbanding dengan aspek kecekapan berbahasa secara lisan. Oleh itu, pemahaman terhadap konsep BA akan membantu para pendidik untuk merancang dan melaksanakan program yang bersesuaian yang merangkumi kaedah pengajaran dan penyediaan pengajaran yang lebih mantap dan agresif dalam memastikan bahasa kedua pelajar terutamanya apabila melibatkan pengukuhan bahasa kebangsaan negara. Misalnya kajian Noor Zila (2015) terhadap BA dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai B2, telah mencadangkan teknik drama dan menghasilkan kaedah IsSam akronim bagi Isi dan Sama untuk membantu pengajaran kemahiran lisan dan tulisan pelajar B2 dalam Bahasa Melayu sebagai B2 mereka.

Sungguhpun kajian ini tidak mengambil tempat di dalam situasi pedagogi misalnya di dalam kelas atau di bilik kuliah dan sebagainya, namun kajian yang mengkaji penghasilan BA dalam konteks luar bilik kuliah ini mampu menonjolkan kesan dan hasil serta prestasi pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua semasa atau selepas pembelajaran. Salah satunya ialah kajian ini secara tidak langsung memperlihatkan situasi penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing di luar kelas. Penggunaan Bahasa Melayu dalam berkomunikasi dan difahami oleh penutur bahasa keduanya jelas menunjukkan sifat bahasa Melayu yang dinamik dan mudah untuk digunakan. Sungguhpun begitu, kewibawaan bahasa Melayu tidak harus digunakan sewenang-wenangnya dalam komunikasi lisan yang formal mahupun tidak formal. Hal ini kerana implikasi yang negatif akan berlaku terhadap sistem nahu bahasa Melayu. Sistem nahu dan penggunaan istilah yang tepat dalam Bahasa Melayu semasa perbualan berlangsung tidak patut diabaikan meskipun perbualan tersebut berusaha untuk mencapai perbualan yang lancar dengan menyalahi peraturan Bahasa Melayu.

## RUJUKAN

- Ainon Mohamad & Abdullah Hassan. (2003). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-khresheh, M.H. (2015). A Review Study of Interlanguage Theory. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 4(3), 123-131.
- Alice Lim. (2010). *Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asiah Mohd Sharif. (2013). Limited Proficiency English Teachers' Language Use In Science Classrooms. *GEMA Online: Journal of Language Studies*. 13(2), 65- 80.
- Asmah Omar. (2014). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkinson J. & Heritage. H. (Eds). (1984). *Transcription Notation: Structures of Social Interaction*. New York: Cambridge University Press.
- Che Ibrahim Salleh, Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy. (2014). Pengaplikasian Strategi Pemelajaran Bahasa Melayu oleh Pelajar Antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Pertanika Mahawangsa: Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 1(2), 181-196.
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford University Press.
- Corder, S.P. (1983). Strategies of Communication. In C. Faerch & G. Kasper (Eds), *Strategies in Interlanguage Communication* (pp. 15-19). London: Longman.
- Corder, S. P. (1967). The significance of learner's errors. *IRAL-International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 5(1-4), 161-170.

- Crystal, D. (1985). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics (2nd ed)*. Oxford: Blackwell.
- Cutting, J. (2002). *Pragmatics and Discourse: A Resource Book for Students*. London: Routledge.
- Ellis, R. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Haslina Zakaria. (2013). *Faktor Individu dan Faktor Persekitaran yang Mempengaruhi Pemindahan Latihan Terhadap Pencapaian Akademik dalam Kalangan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTEM*. Master Tesis. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Hosseini, S.S. & Sangani, H.R. (2015). Studying The Pre-Intermediate Iranian EL Learners' Interlanguage and The Contribution of Their Innate System To The Development of Their Oral Communicative Proficiency. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 192, 408-418.
- Luna, R. M. (2010). *Interlanguage in undergraduates' academic English: Preliminary results from written script analysis*. Retrieved from [http://www.webmail.encuentrojourn.org/textos/Mu\\_oz\\_Luna.pdf](http://www.webmail.encuentrojourn.org/textos/Mu_oz_Luna.pdf)
- Masfuad Edy Santoso & Yuvita. (2015). Aspek Pragmatik Dalam Pemerolehan Bahasa Kedua. *Cakrawala: Jurnal Penelitian dan Wacana Pendidikan*, 9(1).
- McLaughlin, B. (1987). *Theories of Second-Language Learning*. London: Edward Arnold.
- Mohamad Rofian, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif, Nor Effendy Ahmad Sokri. (2014). *Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab*. International Research Management And Innovation Conference 2014 KL, 17-18 November 2014, pp. 295-310.
- Muhammad Ariff Ahmad. (1979). Masalah-Masalah Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Singapore Journal of Education*, 2(1), 61-68.
- Nemser, W. (1971). Approximative systems of foreign language learners. *IRAL-International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 9(2), 115-124.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani. (1996). *Pemindahan Bahasa dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Dusun*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Noor Aina Dani, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. (2015). Pemindahan Negatif dalam Pola Ayat Bahasa Antara. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Noor Zila Md. Yusuf. (2015). *Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (1996). Bahasa Antara Sebagai Hasil Pembelajaran Bahasa Kedua. *Rampak Serantau*, 3, 180-193.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozmi Ismail. (2016). *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Selinker, L. (1969). Language transfer. *General linguistics*, 9(2), 67.
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *IRAL-International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 10(1-4), 209-232.
- Shahidi, A. H. & Shirley Langgau. (2014). Penelitian Akustik Terhadap Aspek Sebutan Bahasa Melayu oleh Penutur Iban. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 9(2), 104-115.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. (2014). Kekeliruan Jati Diri Punca Bahasa Bercampur Aduk. *Jurnal Bahas*, 14(1), 134-158.
- Song, L. (2012). On the Variability of Interlanguage. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(4), 778-783.
- Susan Anak Juhin. (2002). *Bahasa Antara dalam Pertuturan Bahasa Bidayuh di Daerah Bau, Sarawak*. Ijazah Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Tarone, E. (1983). On the Variability of Interlanguage System. *Applied Linguistics*, 4(2), 143-163.
- Tarone, E. (2006). Interlanguage. In K. Brown (Ed.), *Encyclopedia of Language and Linguistics* (2nd ed.), 5, (pp. 747-752). Oxford: Elsevier
- Vijayaletchumy Subramaniam Shobehah. (2016, Disember). Strategi Pembelajaran Bahasa. *Dewan Bahasa*, 16, 4-7.

- Yong Chyn Chye. (2012). *Strategi Mahasiswa Antarabangsa Dalam Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing*. Tesis Phd. Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami Pertuturan Kanak-Kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (2015). Meraikan Perbezaan dalam Pengajaran. *Dewan Bahasa*, 15(1), 4-7.